



---

**RABU, 17 MEI 2023  
UNTUK SIARAN SEGERA**

## **PENUTUPAN RUANG UDARA LANGKAWI DAN LARANGAN PENGGUNAAN DRON SEMPENA LIMA '23**

PUTRAJAYA – Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) ingin memaklumkan mengenai penutupan ruang udara Langkawi bermula dari 18 hingga 27 Mei 2023 seperti yang diterbitkan dalam *Aeronautical Information Publication (AIP) Supplement* bersempena program Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition 2023 (LIMA '23).

CAAM ingin mengingatkan orang ramai bahawa pengoperasian dron di Langkawi adalah dilarang bermula dari 18 hingga 27 Mei 2023. Ini bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini terutamanya membabitkan aspek keselamatan dan sekuriti orang ramai serta pesawat yang sedang beroperasi di ruang udara Langkawi. Penggunaan dron tanpa kelulusan dikhuatiri akan mengganggu latihan dan pertunjukan udara sepanjang penganjuran LIMA '23.

Sebarang aktiviti penerbangan termasuk pengendalian aktiviti dron yang boleh mengundang bahaya kepada orang awam atau harta benda adalah tertakluk di bawah Seksyen 4 Akta Penerbangan Awam 1969 [Akta 3], Peraturan 98 dan Peraturan 140-144 Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 2016 dan *Civil Aviation Directives (CADs)*.

**KAPTEN NORAZMAN BIN MAHMUD**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia